

## **KUTIPAN HASIL SEWA HARTANAH**

Perbadanan Aset Keretapi  
Kementerian Pengangkutan

---

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Kutipan Hasil Sewa Hartanah oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC). RAC berperanan sebagai perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Menentukan sama ada kutipan hasil sewa hartanah oleh RAC mematuhi undang-undang, syarat perjanjian dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### **Apa yang ditemui Audit?**

- Berdasarkan skop Audit, RAC telah berjaya menjalankan fungsinya dalam menjana hasil sewa hartanah kereta api. Bagi tahun 2021 dan 2022, hasil sewa sejumlah RM69.80 juta berjaya dikutip. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam kutipan hasil sewa hartanah dan RAC berpotensi kehilangan hasil sejumlah RM24.45 juta. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam perekodan, pemantauan dan penguatkuasaan. Penemuan Audit adalah seperti berikut:
  - hasil sewa hartanah sejumlah RM12.84 juta tidak dikutip; dan
    - hasil sewaan hartanah sejumlah RM170,474 tidak dikutip mengikut perjanjian sewaan; dan
    - hasil sewaan hartanah sejumlah RM12.67 juta tidak dikutip mengikut surat tawaran sewaan.
  - hasil sewaan hartanah sejumlah RM11.61 juta tidak dapat dikenakan kepada anak syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - menguatkuasakan terma dalam perjanjian sewaan terhadap 12 penyewa yang mempunyai tunggakan, terutamanya bagi 10 syarikat sendirian berhad yang menjalankan perniagaan komersial;
  - memastikan 54 dan lain-lain penyewa yang telah mengembalikan Surat Tawaran Sewaan disusuli dengan perjanjian penyewaan bagi menjamin kepentingan RAC dipelihara; dan
  - memastikan isu sewaan antara RAC dengan syarikat 174274-D dan KTMB dapat dirunding dan diselesaikan dengan segera selaras dengan peruntukan Akta 463.